

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 35

Jurang golongan kaya, miskin kian melebar- Gabenor Bank Negara

Jurang golongan kaya, miskin kian melebar - Gabenor Bank Negara

Oleh MOHAMAD HAFIZI
MOHD SAID dan AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
ekonomi@utusanmediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Jurang antara golongan kaya dan miskin di negara ini semakin meluas, menurut Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour.

Justeru, Shaik Abdul Rasheed berkata, dasar ekonomi dan kewangan hari ini bakal menentukan hala tuju dan trajektori pembangunan negara pada masa hadapan.

Kata beliau, rencana dasar Ekonomi Madani memerlukan tekad dan laksana untuk membebaskan Malaysia daripada terjerat sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

"Namun begitu, wawasan Ekonomi Madani menuntut lebih daripada itu kerana jurang di antara golongan yang kaya dan miskin semakin meluas.

"Ia perlu ditangani dan diimbangi dengan pembangunan sebuah masyarakat yang inklusif, adil, saksama, dan mengekalkan integriti sosial," katanya berucap pada Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD di sini, semalam.



PEMBANGUNAN yang tidak seimbang bakal mewujudkan jurang ekonomi yang lebih ketara dalam kalangan rakyat Malaysia. - GAMBAR HIASAN

Majlis itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berdasarkan kepada kajian anggaran kemiskinan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) kesan daripada pandemik Covid-19,

insiden kemiskinan pada 2020 telah meningkat kepada 8.4 peratus dan sedikit menurun kepada 8.2 peratus pada 2021.

Shaik Abdul Rasheed berkata, sektor kewangan berperanan penting memangkin pertumbuhan sesebuah ekonomi

dan perlu menjadi pengantarai di kalangan golongan berpendapatan lebih dengan mereka yang memerlukan dana menyediakan modal dan kredit kepada ekonomi.

Katanya, selain itu ia perlu memudahkan pelbagai jenis

transaksi kewangan dan memungkinkan pengurusan risiko melalui pelbagai instrumen dan produk.

Tambah beliau, BNM berharap untuk membangunkan sektor kewangan yang progresif, teguh, telus dan bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada kemajuan yang lebih adil, setara, bermakna dan inklusif buat rakyat negara ini.

"Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 merupakan rencana BNM ke arah matlamat ini di mana pelan berkenaan lahir dengan tiga objektif utama iaitu kewangan untuk semua, kewangan untuk transformasi dan kewangan untuk kelestarian."

"Pelan ini bermisi untuk menjadikan sektor kewangan lebih dinamik demi memenuhi keperluan ekonomi dan menjadikannya lebih terangkum, memberi nilai kepada pihak berkepentingan dan adil kepada pengguna," katanya.

Perdana Menteri pada Jula lalu melancarkan kerangka Ekonomi Madani yang menggariskan dua fokus utama bertujuan mestruktur semula ekonomi agar Malaysia kembali gah menjadi peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.